

D171

B B965 AAB
UMNO-PENCALONAN RRR

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGETUAI SENARAI EMPAT ORANG TOKOH YANG DICALONKAN BAGI MEREbut JAWATAN PRESIDEN UMNO PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI 24 APRIL DEPAN.

APABILA 132 BAHAGIAN UMNO SELESAI MENGADAKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN MASING-MASING SEMALAM, PERDANA MENTERI MENERIMA 88 PENCALONAN BAGI MEMPERTAHANKAN KEDUDUKANNYA UNTUK PENGGAL KETIGA.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG DISEBUT-SEBUT AKAN MENCABAR DATUK SERI DR MAHATHIR, DICALONKAN OLEH 37 BAHAGIAN.

TURUT DICALONKAN BAGI JAWATAN PRESIDEN IALAH BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO, DATUK MUSA HITAM DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI SEKARANG, ENCIK ABDUL GHAFAR BABA, MASING-MASING MENDAPAT HANYA SATU PENCALONAN. DATUK MUSA DICALONKAN OLEH BAHAGIAN JOHOR BAHarU MANAKALA BAHAGIAN SELANDAR DI MELAKA MENCALONKAN ENCIK GHAFAR.

BAGAIMANAPUN, LIMA BAHAGIAN IAITU PENGKALAN CHEPA DAN KOK LANAS DI KELANTAN, KLUANG DAN SRI GADING DI JOHOR DAN HULU LANGAT DI SELANGOR TIDAK MEMBUAT SEBARANG PENCALONAN BAGI SEMUA JAWATAN MAJLIS TERTINGGI PARTI. -- LAGI

1613MST 23 03 87

B B966 AAB
UMNO-PENCALONAN 2 KUALA LUMPUR RRR

BAHAGIAN HULU LANGAT TIDAK BERBUAT DEMIKIAN KERANA DIGANTUNG OLEH SEBAB BEKAS KETUANYA BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS TANPA RESTU PARTI.

BAGAIMANAPUN, BAHAGIAN ITU MENGADAKAN MESYUARAT KHAS SEMALAM UNTUK MEMILIH SEMBILAN ORANG PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG.

SEBUAH LAGI BAHAGIAN IAITU KUANTAN DIARAHKAN SUPAYA MENGADAKAN SEMULA MESYUARAT PERWAKILANNYA PADA 5 APRIL SETELAH DIDAPATI LAPAN BUAH CAWANGAN YANG TIDAK BERDAFTAR MENGHADIRI PERSIDANGAN YANG DIADAKAN PADA 1 MAC LEPAS.

BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, ENCIK GHAFAR MENDAHULUI DENGAN 76 PENCALONAN DIKUTI OLEH DATUK MUSA 49 PENCALONAN DAN DUA PENCALONAN BAGI TENGGU RAZALEIGH.

DARIPADA 29 BAHAGIAN DI TUJUH BUAH NEGERI YANG BERSIDANG SEMALAM, 23 BAHAGIAN MENCALONKAN DATUK SERI DR MAHATHIR BAGI JAWATAN PRESIDEN, LIMA BAGI TENGGU RAZALEIGH DAN SATU UNTUK ENCIK GHAFAR. -- LAGI

1615MST 23 03 87

B B967 AAB
UMNO-PENCALONAN 3 KUALA LUMPUR RRR

BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG MAHUKAN PERDANA MENTERI MENGEKALKAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PRESIDEN IALAH MASING-MASING ENAM DI PERAK DAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, EMPAT DI PULAU PINANG, TIGA DI SELANGOR, DUA DI NEGERI SEMBILAN DAN MASING-MASING SATU DI MELAKA DAN PAHANG.

BAGI TENGGU RAZALEIGH PULA, DUA DI PULAU PINANG DAN MASING-MASING SATU DI MELAKA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PAHANG, MANAKALA ENCIK GHAFAR MENERIMA SATU-SATUNYA PENCALONAN BAGI JAWATAN PRESIDEN DARIPADA BAHAGIAN SELANDAR, MELAKA.

UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, ENCIK GHAFAR DICALONKAN OLEH 21 DARIPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN TERSEBUT MANAKALA SELEBIHNYA ADALAH UNTUK DATUK MUSA.

PADA KESELURUHANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENDAPAT PENCALONAN YANG JITU DI KEDAH DAN PERLIS, MASING-MASING MEMPUYAI 14 DAN DUA BAHAGIAN.

PERDANA MENTERI MENERIMA PENCALONAN DARIPADA LAPAN DARIPADA 11 BAHAGIAN DI PULAU PINANG, 21 DARIPADA 23 DI PERAK, 12 DARIPADA 14 DI SELANGOR, ENAM DARIPADA TUJUH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, ENAM DARIPADA 10 DI PAHANG, EMPAT DARIPADA LAPAN DI TERENGGANU, ENAM DARIPADA TUJUH DI NEGERI SEMBILAN, TIGA DARIPADA LIMA DI MELAKA, DUA DARIPADA 18 DI JOHOR, TIGA DARIPADA 13 DI KELANTAN DAN BAHAGIAN TUNGGAL DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

-- LAGI

1617MST 23 03 87

D197

B B991 AAB
UMNO-PENCALONAN 4 KUALA LUMPUR

TENGGU RAZALEIGH PULA MENDAPAT TIGA PENCALONAN BAGI JAWATAN PRESIDEN DI PULAU PINANG, DUA DI PERAK, LAPAN DI KELANTAN, EMPAT TERENGGANU, TIGA DI PAHANG, 13 DI JOHOR, MASING-MASING SATU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA.

BAGI JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, ENCIK GHAFAR MENERIMA 13 PENCALONAN DARIPADA KEDAH, 20 DI PERAK, ENAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, ENAM DI PULAU PINANG, DUA DI PERLIS, TIGA DI KELANTAN, EMPAT DI TERENGGANU, 10 DI SELANGOR, LIMA DI NEGERI SEMBILAN, TIGA DI MELAKA DAN MASING-MASING SATU WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN DAN JOHOR.

DATUK MUSA MENDAPAT SATU DI KEDAH, LIMA DI PULAU PINANG, TIGA DI PERAK, SATU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, TUJUH DI KELANTAN, EMPAT DI TERENGGANU, ENAM DI PAHANG, TIGA DI SELANGOR, DUA DI NEGERI SEMBILAN, DUA DI MELAKA DAN 15 DI JOHOR.

TENGGU RAZALEIGH PULA MENDAPAT PENCALONAN MASING-MASING SATU DARIPADA JOHOR DAN KELANTAN.

BAGI JAWATAN NAIB PRESIDEN, ANTARA LAIN MENTERI PELAJARAN ENCIK ANWAR IBRAHIM MENERIMA 78 PENCALONAN, DIKUTI OLEH MENTERI PERTAHANAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DENGAN 76 PENCALONAN, MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD (55), MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB (39), MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID (36), MENTERI LUAR DATUK RAIS YATIM (14) DAN ENCIK GHAFAR (12). -- LAGI

1655MST 23 03 87

B B993 AAB
UMNO-PENCALONAN 5 KUALA LUMPUR

CALON-CALON LAIN TERDIRI DARIPADA DATUK HARUN IDRIS (11), MENTERI PENERANGAN TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN (8), MENTERI BESAR PAHANG DATUK KHALIL YAAKUB (8), MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT DATUK SHAHRIR SAMAD (4), MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DATUK ABU HASSAN OMAR (4), AHLI MAJLIS TERTINGGI PUAN MARINA YUSOFF (2), MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, AHLI PARLIMEN KOK LANAS DATUK ABDULLAH AHMAD DAN AHLI MAJLIS TERTINGGI DATUK HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN.

SEMUA MEREKA YANG DICALONKAN DIBERI TEMPOH HINGGA 11 APRIL UNTUK MENGESAHKAN SAMA ADA MENERIMA ATAU TIDAK PENCALONAN MASING-MASING.

DENGAN SELESAINYA SEMUA MESYUARAT PERWAKILAN SEMALAM, FORUM UNTUK CALON-CALON BERKEMPEN SECARA TERBUKA DENGAN SENDIRINYA BERAKHIR.

BAGAIMANAPUN, PERTEMUAN-PERTEMUAN SECARA TERTUTUP MASIH BOLEH DIADAKAN HINGGA MENJELANG HARI PEMILIHAN. -- BERNAMA
1657MST 23 03 87